

## **AKTIVITI AUDIT INTRADEPARMENTAL 2020**

### **A. Tempoh Pengauditan :**

Proses Audit Dalaman MS ISO 9001:2015 di Politeknik Ibrahim Sultan dilaksanakan selama 5 hari bermula 06 hingga 10 September 2020.

### **B. Skop dan Objektif :**

#### **Skop**

- Semua Dokumen kualiti Politeknik Ibrahim Sultan yang terkini yang bertarikh 19-06-19 sehingga tarikh audit dijalankan.
- Mengikut standard MS ISO 9001:2015.

#### **Objektif**

- Membantu Politeknik Ibrahim Sultan memastikan Sistem Pengurusan Kualiti dilaksanakan secara berkesan berdasarkan Manual Kualiti dan Prosedur Kualiti yang digunakan.
- Mengenalpasti kekuatan dan kelemahan di dalam Sistem Pengurusan Kualiti supaya langkah-langkah penambahaikan secara berterusan dapat dilaksanakan.

### **C. ‘*Disclaimer*’ :**

Audit dilaksanakan berdasarkan sampel sahaja. Penemuan audit yang akan dibentangkan adalah tertakluk kepada sampel. Jika tiada penemuan ketakakuran terhadap sampel yang diaudit, ketakakuran mungkin masih berlaku di dalam sistem begitu juga terhadap perkara yang sebaliknya. Kerjasama semua pihak diperlukan untuk memastikan Sistem Pengurusan Kualiti dilaksanakan sepenuhnya di politeknik.

### **D. Rumusan Keseluruhan Penemuan Audit:**

Pihak pengurusan Politeknik Ibrahim Sultan telah menunjukkan komitmen yang tinggi terhadap pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 dan dasar kualiti. Semua jabatan dan unit yang diaudit melaksanakan proses sepertimana yang telah digariskan di dalam Prosedur Kualiti yang selaras dengan dasar dan objektif kualiti di dalam Manual Kualiti. Kerjasama telah ditunjukkan oleh anggota kerja di semua peringkat dan kesungguhan pengurusan atasan dalam pelaksanaan SPK adalah amat ketara. Jawatankuasa kerja dan pengurusan kualiti diwujudkan bagi memantau dan mengawalselia SPK organisasi yang dilihat berkesan sebagai kaedah kawalan penyampaian proses.

**E. Gambar:**

